

# **PEMBUDAYAAN KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT: SATU KAJIAN ULASAN SISTEMATIK (Volunteerism Enculturation among Community Member: A Systematic Review)**

**N.K. Tharshini<sup>1</sup> and Fauziah Ibrahim<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Emel: \*stharshini@unimas.my, ifauziah@ukm.edu.my

Article History: Received 30 July 2019; Revised 9 December 2019;  
Accepted 24 December 2019

## **ABSTRAK**

*Artikel ini disediakan bagi mengulas pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat. Satu kajian ulasan sistematis telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan faktor pemungkin yang mendorong pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat dengan menggunakan pangkalan data Elsevier dan Sage. Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor keperluan psikologi, faktor keperluan mendapatkan pengiktirafan dan ganjaran serta faktor pegangan agama menyumbang ke arah pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan pihak berkepentingan mengenai kepentingan budaya kesukarelawanan dalam usaha mencetus transformasi sosial serta mewujudkan anggota masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri.*

**KATA KUNCI:** *Pembudayaan kesukarelawanan, masyarakat, ulasan sistematis*

## **ABSTRACT**

*This article is prepared to review the volunteerism enculturation among community member. A systematic review was conducted to obtain information regarding the catalyst factors that contribute towards volunteerism enculturation among community member in databases such as Elsevier and Sage. The results indicate that factors such as psychological needs, the need for recognition and reward and religious belief contributes towards volunteerism enculturation among community member. As an overall impact, the study provided implications to the concerned parties regarding the importance of volunteerism enculturation in order to instill social transformation and produce a caring, responsible and selfless community members.*

**KEYWORDS:** *Volunteerism enculturation, community, systematic review*

## **1.0 PENGENALAN**

Konsep memperkasa budaya kesukarelawan melibatkan cabang yang amat luas memandangkan dimensi ini memberi fokus kepada pembangunan komuniti secara keseluruhan. Istilah kesukarelawan merupakan satu terma global yang semakin mendapat perhatian kerana kemampuannya dalam merangsang penyertaan masyarakat untuk terlibat dengan kerja-kerja amal yang membawa faedah kepada orang awam (United Nations Vounteer, 2011). Secara amnya, sukarelawan berperanan sebagai mediator bagi menghubungkan ahli komuniti dengan sumber yang diperlukan oleh mereka serta bertanggungjawab dalam mengurangkan diskriminasi yang wujud terhadap golongan marginal (United Nations Vounteer, 2011).

Menurut Ibrahim et al., (2015), keanggotaan seseorang individu dalam aktiviti sukarela adalah berasaskan kepada kesanggupan mereka untuk berbakti kepada orang awam tanpa sebarang bentuk paksaan. Selain itu, Ibrahim et al., (2015) turut mendapati bahawa penglibatan secara aktif dalam aktiviti kesukarelawan dapat membantu seseorang individu untuk; (i) menjadi warganegara yang penyayang dan bertanggungjawab, (ii) mempunyai kepekaan dan pemahaman yang mendalam mengenai masalah sosial serta (iii) meningkatkan keprihatinan terhadap keperluan orang lain. Tambahan pula, Rokach et al., (2009) mendapati bahawa individu yang kerap terlibat dengan kerja-kerja amal mempunyai keperibadian diri yang unggul serta peka terhadap isu-isu sosial berbanding dengan individu yang tidak pernah menyertai sebarang aktiviti amal.

Wymer (2011) mendefinisikan kesukarelawan sebagai pekerjaan tanpa upah bagi tujuan membantu pihak ketiga manakala Ibrahim et al., (2015) menjelaskan bahawa kesukarelawan merupakan segala bentuk aktiviti yang dilakukan bertujuan untuk membantu orang lain serta tidak berasaskan kepada keuntungan, ganjaran dan faedah. Secara lazimnya, pemahaman mendalam mengenai konsep kesukarelawan dapat mengoptimumkan tahap kesedaran serta mendorong seseorang individu untuk tampil kehadapan bagi memikul tanggungjawab sosial yang memberi dampak positif terhadap kebijakan dan pembangunan masyarakat (Bang & Ross, 2009). Bang dan Ross (2009) menyatakan bahawa sukarelawan tergolong dalam kumpulan homogenus memandangkan setiap individu yang terlibat dengan kerja-kerja amal terdiri daripada; (i) kumpulan umur yang berbeza, (ii) mempunyai

latarbelakang kehidupan yang berlainan serta (ii) mempunyai pengalaman dan kemahiran yang berbeza.

Pengkaji daripada negara Barat menjelaskan bahawa penglibatan dalam kerja-kerja amal dapat membantu golongan sukarelawan untuk menjalin hubungan yang kukuh (*conscience collective*) bersama anggota masyarakat serta mewujudkan sebuah platform bagi membantu kumpulan sasaran (Hyde & Knowles, 2013). Seterusnya, penyertaan aktif seseorang individu dalam aktiviti kesukarelawanan dapat membantu ahli komuniti untuk mencapai perubahan yang diinginkan serta memberi ruang bagi memahami dan menghargai keperluan satu sama lain (Hyde & Knowles, 2013). Selain itu, menurut pandangan Hyde et al., (2013) penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan dapat membantu mengukuhkan lagi semangat perpaduan serta membuka ruang untuk menghulurkan bantuan dan perkhidmatan yang bermakna kepada ahli komuniti. Tambahan pula, Law dan Shek (2009) mendapati bahawa kebanyakkan daripada individu terus melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan kerana mereka mendapat kepuasan diri yang optimum, mempunyai harga diri yang positif, memiliki kawalan diri yang kukuh serta mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik.

Secara lazimnya, komponen kesukarelaan adalah amat penting bagi meningkatkan penglibatan seseorang individu dalam aktiviti kesukarelawanan (Clerkin et al., 2009). Clerkin et al., (2009) menjelaskan bahawa dimensi kesukarelaan meliputi tiga aspek utama iaitu; (i) kesanggupan – keinginan untuk menjadi sukarelawan dipengaruhi oleh elemen sikap, motif psikologi dan nilai moral yang menjadi pegangan kehidupan seseorang individu, (ii) keupayaan – kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu bagi membantu, membimbang serta mempertingkatkan kefungsian ahli komuniti dan (iii) kesediaan – kebolehan untuk mengimbangi kekangan masa dan tanggungjawab yang sedia ada (pekerjaan, keluarga, pendidikan, rakan-rakan) bagi membantu ahli komuniti. *United Nations Vounteer* (2011) menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan mampu memberi manfaat dari pelbagai aspek yang berbeza iaitu; (i) membentuk ikatan sosial yang kukuh serta menjadi “*social glue*” bagi merapatkan jurang di antara nilai dan budaya masyarakat yang berbeza (terutamanya bagi negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum), (ii) membentuk jaringan sosial yang lebih luas serta menyumbang ke arah pembangunan diri yang positif, (iii) meningkatkan keharmonian masyarakat serta membantu individu

agar berfikiran secara terbuka dan (iv) mengukuhkan hubungan sosial di antara pelbagai lapisan masyarakat bagi menjana model sosial yang beretika, bertoleransi, bersatu padu dan bermuafakat.

Berdasarkan perspektif persatuan/organisasi pula didapati bahawa dimensi perekrutan adalah mustahak bagi meningkatkan penglibatan seseorang individu dalam aktiviti kesukarelawanan (Clerkin et al., 2009). Secara amnya, perekrutan terdiri daripada tiga dimensi utama iaitu; (i) pengaksesan – bagi merekrut lebih ramai sukarelawan lokasi sesebuah persatuan/organisasi seharusnya berada dalam kedudukan yang strategik, (ii) sumber – aspek kewangan adalah amat penting bagi memberikan latihan bagi sukarelawan baharu serta meneruskan pelan tindakan yang telah dirancang serta (iii) rangkaian dan kerjasama – kerjasama yang dijalankan dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan meluaskan lagi skop perkhidmatan yang ditawarkan kepada komuniti (Clerkin et al., 2009). Memandangkan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan menawarkan pelbagai faedah yang holistik maka kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor pemungkin yang menyumbang ke arah pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.


## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Sebuah kajian ulasan sistematik dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai faktor pemangkin yang mendorong pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat. Kata kunci seperti “pembudayaan kesukarelawanan” dan “faktor keterlibatan dengan aktiviti sukarela” ditemui dalam pangkalan data seperti *Elsevier* dan *Sage* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat iaitu artikel/tesis/ulasan buku/ analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bermula daripada 1 Januari 2009 hingga 1 Januari 2019.

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan sebuah ulasan sistematik yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualiaan/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu artikel/tesis/ulasan buku/analisis-

meta/laporan tahunan yang tidak lengkap berkaitan dengan pembudayaan kesukarelawanian dalam kalangan masyarakat. Rajah 1 menunjukkan proses menjalankan ulasan sistematik dalam kajian ini.



Rajah 1: Proses Menjalankan Ulasan Sistematik

### 3.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Berpandukan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan faktor pemangkin yang menyumbang ke arah pembudayaan kesukarelawanian dalam kalangan masyarakat adalah seperti yang berikut; (i) faktor keperluan psikologi, (ii) faktor keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran dan (iii) faktor pegangan agama.

#### 3.1 Faktor Keperluan Psikologi

Menurut pandangan Blomberg (2011), dimensi kepuasan dapat dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu; (i) kepuasan menyeluruh dan (ii) ketidakpuasan. Secara amnya, faktor kepuasan menyeluruh dapat dipertingkatkan sekiranya individu diberi kepercayaan dan pengiktirafan yang mendorong mereka untuk terus berkhidmat dan berbakti kepada ahli komuniti sebaliknya faktor ketidakpuasan yang meliputi aspek hubungan interpersonal yang lemah, kurang penyeliaan dan suasana bekerja yang tidak memberangsangkan menyebabkan seseorang individu kehilangan motivasi untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanian (Clerkin et al., 2009). Blomberg (2011) menjelaskan bahawa faktor “*selective incentive*” dapat menggalakkan

seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Hal ini kerana, apabila seseorang individu terlibat dengan kerja-kerja amal maka mereka bukan sahaja berpeluang untuk meluaskan jaringan sosial dengan masyarakat sejagat bahkan aktiviti ini juga dapat mengisi masa lapang serta mengurangkan perasaan bosan dan kesunyian (Blomberg, 2011).

Brandt dan Wetherell (2012) menjelaskan bahawa penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan berupaya; (i) meningkatkan harga diri, (ii) membina personaliti diri yang unggul serta (ii) menyumbang kepada kemahiran penyelesaian masalah yang baik. Menurut Brandt dan Wetherell (2012), majoriti daripada individu terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan bagi memenuhi matlamat sosial seperti; (i) prihatin terhadap keperluan orang lain, (ii) keinginan untuk memahami corak kehidupan masyarakat sejagat dan (iii) kesediaan untuk mencari pengalaman baharu dalam kehidupan. Denton et al., (2009) mendapati bahawa motivasi dalaman merupakan faktor pemangkin yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Penyataan ini disokong oleh Blomberg (2011) yang menyatakan bahawa individu yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja sukarela mempunyai tahap kebahagiaan, kepuasan hidup, kesihatan fizikal dan kawalan diri yang baik berbanding dengan individu yang tidak pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan.

Motivasi untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan juga dipengaruhi oleh sikap kepekaan yang tinggi terhadap pembangunan masyarakat serta dirangsang oleh keinginan untuk meningkatkan jaringan sosial (Denton et al., 2009). Menurut Denton et al., (2009) matlamat untuk menjadi sukarelawan dipengaruhi oleh empat elemen utama iaitu; (i) matlamat altruistik, (ii) matlamat sosial, (iii) matlamat harga diri dan (iv) matlamat peranan. Secara lazimnya, matlamat altruistik (keinginan untuk melakukan kebaikan kepada orang lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran) menjadi faktor pendorong yang mempengaruhi seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarela memandangkan mereka akan mendapat ganjaran dari segi intrinsik serta lebih bersedia untuk membantu orang lain pada masa hadapan (Blomberg, 2011).

### 3.2 Faktor Keperluan Mendapat Pengiktirafan dan Ganjaran

Setiap individu yang bekerja akan menerima ganjaran dalam bentuk gaji sebaliknya sukarelawan mendapat ganjaran dan penghargaan daripada orang awam berdasarkan kepada pertolongan yang dihulurkan oleh mereka (Chacon et al., 2011). Secara amnya, pengiktirafan dan penghargaan yang diterima selepas melakukan sesuatu kerja dapat meningkatkan perasaan puas hati dalam diri individu. Dalam konteks kesukarelawan pula, Sharifafar (2011) menjelaskan bahawa sukarelawan akan mendapat kepuasan diri yang maksimum setelah selesai membantu individu yang memerlukan bantuan. Oleh yang demikian, pengiktirafan dan ganjaran yang diterima oleh sukarelawan dapat menjamin kesetiaan mereka terhadap sesuatu persatuan/organisasi agar terus berbakti kepada anggota masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang.

Chacon et al., (2011) mendapatkan bahawa terdapat empat komponen utama yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawan iaitu; (i) ganjaran luar jangkaan, (ii) penyeliaan yang fleksibel, (iii) prosedur kerja yang mudah dan (iv) jaringan komunikasi yang luas. Sukarelawan akan menjadi lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada ahli komuniti sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka menerima penghargaan dan ganjaran yang sepatutnya (pujian) daripada orang awam (komponen ganjaran luar jangkaan) (Gage & Thapa, 2015). Selain itu, menurut Gage dan Thapa (2015) ganjaran dan pengiktirafan yang diperolehi menerusi penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan mampu; (i) meningkatkan tahap kepuasan diri, (ii) membantu membina potensi diri yang utuh, (iii) mempertingkatkan keupayaan diri sendiri untuk menangani konflik pada masa hadapan serta (iv) mewujudkan penampilan diri yang lebih dinamik dan menyeluruh.

### 3.3 Faktor Pegangan Agama

Individu yang aktif melibatkan diri dalam organisasi keagamaan serta mempunyai pegangan agama yang kuat dikatakan mempunyai nilai diri yang positif, sentiasa memberi keutamaan untuk membantu orang lain serta mudah berasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain (Rokach et al., 2009). Rokach et al., (2009) mendapatkan bahawa kebanyakkan daripada individu yang menjadi sukarelawan pada usia muda mempunyai ibu atau bapa yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja amal serta mempunyai pegangan agama yang kuat. Selain itu, individu yang mempunyai nilai “charity” yang tinggi didapatkan

lebih bersedia untuk menjadi sukarelawan berbanding dengan individu yang memberi keutamaan terhadap nilai kewangan semata-mata (Hyde & Knowles, 2013).

Berpandukan kepada ajaran agama Kristian didapati bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk berbakti kepada manusia lain (Christian Stewardship) serta menunjukkan keprihatinan terhadap alam sekitar (Eco-Justice) kerana bumi ini merupakan sebahagian daripada ciptaan Tuhan (Parris & Peacheay, 2012). Einolf dan Chambre (2011) menyatakan bahawa kewujudan gereja di kawasan perumahan meningkatkan lagi peluang ahli komuniti untuk terlibat dengan kerja-kerja amal manakala Denton et al., (2009) menjelaskan bahawa individu yang terlibat dalam aktiviti keagamaan adalah lebih cenderung untuk menjadi sukarelawan kerana memiliki motivasi intrinsik yang tinggi serta lebih bersedia untuk berkhidmat kepada Tuhan dan hamba mereka.

Mengikut ajaran Islam, setiap individu perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela (dengan syarat tidak menunjuk-nunjuk) bagi mendapatkan keredhaan daripada Tuhan (Ali Ibn Muhammad et al., 2009) sebaliknya berpandukan kepada ajaran Bodhisattva, penganut Buddha percaya bahawa kehidupan ini akan menjadi lebih bermakna sekiranya melibatkan diri dalam perlakuan yang baik terutamanya dengan menghulurkan bantuan kepada individu lain yang berada dalam kesengsaraan (Einolf & Chambre, 2011). Dalam buku The Diamond Sutra dinyatakan bahawa wang dan harta benda akan habis pada suatu tahap dalam kehidupan sebaliknya perlakuan baik, perkongsian kemahiran dan pengetahuan dengan orang lain akan membawa kebaikan kepada “*soul*” (jiwa) (Einolf & Chambre, 2011). Seterusnya, konsep “*the law of karma never fails*” yang ditegaskan dalam ajaran Hinduisme menjelaskan bahawa setiap perlakuan manusia sama ada baik atau buruk akan dibalas semula dengan kebaikan atau sebaliknya (Radhakrishnan, 2012). Oleh yang demikian, adalah digalakkan bagi setiap individu untuk terlibat dengan perlakuan yang baik bagi meningkatkan pahala dalam kehidupan mereka (Radhakrishnan, 2012).

## 4.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa pembudayaan kesukarelawanian dalam kalangan ahli komuniti adalah amat penting memandangkan sukarelawan merupakan agen dinamik bagi mencetus transformasi sosial dalam komuniti serta mewujudkan perubahan positif dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh yang demikian, disarankan agar agensi kerajaan untuk membentuk proforma atau dasar kerajaan yang memberi fokus terhadap elemen kesukarelawanian bagi menggalakkan ahli komuniti untuk terlibat dengan “*corporate volunteering*” serta tidak hanya berfokus kepada dunia perniagaan yang tertumpu kepada keuntungan sahaja.

Organisasi/persatuan sukarela seharusnya bersifat neutral daripada pengaruh politik serta mempunyai ideologi yang kukuh bagi memenuhi keperluan masyarakat sejagat. Memandangkan konsep kesukarelawanian merupakan suatu nilai universal dan mekanisme penting bagi membina masyarakat yang penyayang, prihatin dan bertanggungjawab maka adalah digalakkan agar ibu bapa, pihak sekolah dan guru-guru agar mendorong penglibatan golongan muda dalam kerja-kerja sukarela bermula daripada bangku persekolahan lagi.

## RUJUKAN

- Alī Ibn Muḥammad, Al-Jumu’ah. (2009). Mu’jam al-Muṣṭalahāt allq̄tisadiyyah Wa Al-Islāmiyyah. Riyadh: Maktabah al-‘Ubaykat.
- Bang, H. & Ross, S. (2009). Volunteer Motivation and Satisfaction. *Journal of Venue and Event Management*; 1(1): 61-77.
- Blomberg, O. (2011). Concepts of Cognition for Cognitive Engineering. *International Journal of Aviation Psychology*; 21(1): 85-104.
- Brandt, M.J. & Wetherell, G.A. (2012). What Attitudes are Moral Attitudes? The Case of Attitude Heritability. *Social Psychological and Personality Science*; 3(2): 172-179.
- Chacon, F., Perez, T., Flores, J. & Vecina, L.M. (2011). Motives for Volunteering: Categorization of Volunteers’ Motivations using Open-ended Questions. *Psychology in Spain*; 15 (1): 48-56.
- Clerkin, R.M., Paynter, S.R. & Taylor, J.K. (2009). Public Service Motivation in Undergraduate Giving and Volunteering Decisions. *The American Review of Public Administration*; 39(6): 675-698.

- Denton, D.A., McKinley, M.J., Farrell, M. & Egan, G.F. (2009). The Role of Primordial Emotions in the Evolutionary Origin of Consciousness. *Conscious Cognitive*; 18(2): 500-514.
- Einolf, C. & Chambre, S.M. (2011). Who Volunteers? Constructing a Hybrid Theory. *International Journal of Non-Profit and Voluntary Sector Marketing*; 16: 298-310.
- Gage, R.L. & Thapa, B. (2012). Volunteer Motivations and Constraints among College Students: Analysis of the Volunteer Function Inventory and Leisure Constraints Models. *Non-Profit and Voluntary Sector Quarterly*; 41(3): 405-430.
- Hyde, M.K. & Knowles, S.R. (2013). What Predicts Australian University Students' Intentions to Volunteer Their Time for Community Service? *Australian Journal of Psychology*; 65(3): 135-145.
- Ibrahim, F., Amin, A.S. & Sivabalan, T. (2015). The Involvement and Motivation of Volunteerism: Toward Nurturing the Spirit of Volunteerism among Students. *Journal of Social Sciences and Humanities*; 10(1): 84-96.
- Law, B.M.F. & Shek, D.T.L. (2009). Family Influence on Volunteering Intention and Behaviour among Chinese Adolescents in Hong Kong. *Adolescence*; 44(175): 666-683.
- Parris, D.L. & Peachey, J.W. (2012). Building a Legacy of Volunteers through Servant Leadership: A Cause Related Sporting Event. *Non-profit Management & Leadership*; 23(2): 259-276.
- Radhakrishnan, S. (2012). The Hindu Dharma. *International Jurnal of Ethics*; 33 (1): 1-22.
- Rokach, A. & Wanklyn, S. (2009). Motivation to Volunteer: Helping Empower Sick Children. *Psychology and Education: An Interdisciplinary Journal*; 46(1): 7-25.
- Sharififar, F., Jamalian, Z., Nikbaksh, R. & Ramezani, Z.N. (2011). Influence of Social Factors and Motives on Commitment of Sport Events Volunteers. *World Academy of Science, Engineering and Technology*; 77: 1078-1082.
- United Nations Volunteer. (2011). State of the World's Volunteerism Report. United Nations. *Voluntary Sector Quarterly*; 25: 485-505.
- Wymer, W. (2011). The Implications of Sex Differences on Volunteer Preferences. *International Journal of Voluntary and Non-Profit Organizations*; 22(4): 831-851.